
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

JMK 415 – Kesusasteraan, Budaya dan Media Baru

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Pilih dan jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Media baru telah melonjakkan perkembangan kesusasteraan dan budaya di Malaysia. Bincangkan.
(25 markah)
2. Filem Exploitasi atau *Film Exploitation* membawa komen negatif dalam masyarakat. Bincangkan isu ini dengan merujuk mana-mana karya kesusasteraan yang telah difilemkan.
(25 markah)
3. Terkini, di Malaysia karya-karya kesusasteraan telah dipromosikan melalui drama TV. Bincangkan senario ini secara kritis dengan merujuk sebuah drama popular.
(25 markah)
4. Teknik parodi dan adaptasi terhadap teks Melayu Klasik membuka lembaran baru ke arah memahami mesej teks kesusasteraan dalam suasana kontemporari. Berdasarkan puisi Muhammad Hj. Salleh dan Zurinah Hassan, bincangkan fenomena ini. (Lampiran).
(25 markah)
5. Apakah makna kebudayaan menurut anda? Bagaimana aspek-aspek budaya dalam karya kesusasteraan dapat membentuk keperibadian dan sahsiah yang tinggi kepada khlayak?
(25 markah)
6. Bila lampu dipadam, ruangan tayangan filem (pawagam) pun gelap. Fenomena ini menandakan satu bentuk pemisahan antara hiburan sebagai satu jalan keluar atau eskepisme dengan kehidupan realiti. Bersetujukah anda dengan pandangan ini?
(25 markah)

LAMPIRAN

Tangisan Puteri Hang Li Po

Laksamana dan menteri bersiap sedia
di lautan menanti lima ratus bahtera
untuk mengarak Hang Li Po ke Melaka

Di istana, di sebalik tirai dewangga
Hang Li Po menangis di ribaan bonda
sampainya hati ayahanda
hendak menghantar hamba ke Melaka
memisahkan aku daripada istana kesayangan
memisahkan aku daripada taman permainan
memisahkan aku daripada bonda tercinta
bagai membongkar pohon daripada akarnya
menceraikan badan dengan nyawa.

Tolonglah bonda merayulah pada ayahanda
katakan kepadanya kalau aku dihantar juga
relalah aku mati di tengah samudera
relalah aku terkorban ditelan gelora
daripada terseksa merindukan bonda.

Sungguh tergamak ayahanda
tidakkah Li Po ini anaknya
bukan barang dibuat hantaran
bukan hadiah dibuat persembahan.

Bonda Hang Li Po, permaisuri China
hatinya tertusuk sembilu bisa
ibu mana tak akan menderita
kalau berpisah dengan anaknya
selebar samudera sejauh Melaka
tak pasti bertemu semula
biar bercerai badan dan nyawa
daripada berpisah dengan anakanda.

Berkatalah dia dengan air mata
Li Po sayang, intan permata
bonda tahu kau ingin terus bermanja
bukankah itu amat biasa
untuk anak yang masih muda
berasa riang dibelai ayahanda
tetapi Li Po kita bukan insan biasa
kau puteri gahara aku permaisuri mulia
demikian tersurat hidup kita.

Bagi bonda
tiada yang lebih daripada anakanda
takkan bonda tukarkan
dengan segala mutiara di lautan
takkan bonda gantikan
dengan segala emas di daratan
tapi tidak demikian ayahanda
dia lelaki apatah lagi Maharaja
megah Maharaja atas gelaran
lalu kau dijadikan tukaran
untuk satu gelaran yang diidamkannya
menjadi mertua Raja Melaka.

Apakah daya kita Li Po
kerana kita wanita
bernilai selagi diperguna
dan, ayahandamu Maharaja
tawa dan air matanya untuk Negara
politik lebih penting daripada keluarga
Kuasa lebih penting
daripada bahagia.

(Zurinah Hassan: 2005:23)

“Maka dipersembahkan oranglah kepada Sultan Mansur Syah mengatakan Tun Perpatih Putih datang membawa puteri China. Maka baginda pun terlalu sukacita mendengarnya.”

cantik puteri china
li po namanya
bibirnya kecil
mulut bulat
membuka pada gigi kecil pula
matanya tirus seperti rusa
dibesarkan oleh celak hitam
sehitam rambut panjangnya
yang melurus ke bahu
disimpul untuk perkahwinan.

bajunya panjang
dari sutera biru langit
baju pengantin direnda lengan
disulam benang emas
dari leher ke kaki kain.

tenang puteri menunduk
berjalan diapit
tun perpatih putih yang tegak
li po yang baik budinya
dan anak menteri lima ratus.

malam yang dikumpulkan samar
dengan berahi kehendak
dibiarkan baginda pasang perlahan
di ruang peraduan pengantin
bau mawar dan cempaka
tanjung, melur dan kenanga
mengapungkan bilik di aliran waktu
yang tidak jejak pada usia
semerbak bunga
membalut tipis dinding, tilam
dan dua jasad yang tergetar
oleh waktu di hujung nafas.

isteri baginda, pengantin putih kuning,
badan yang disalut sutera ulat udara
panas oleh gadisnya
ditolong nyamankan oleh bulan
besar dan memerhatikan di atas selat
disentuh kulit mamar puteri
jari rencung penuh dijalin baginda
bulat dara bahu dan susu
tiada usia pada kecantikan
hanya kepenuhan zat hayat.

dipeluk seluruh panas-sejuknya
terbau harum bunga di pinggir peraduan
dan baginda berdua cair jadi laut di pantai
menderu, dipukul angin ke teluk
dari jauh menuruni dan memanjang gunung air
menjalani alur waktu
gelora laut, langit tenang
pohon ru dan ketapang jauh di pasir
gelombang masuk ke keluk
dan akhirnya memanjang lengkung pantai
hingga badai terkuat
menghayun mereka jauh ke langit
air jadi buih di tebing
dan pecah di nafas udara.

tidur menyempurnakan perkahwinan.

(Muhammad Haji Salleh:1981:43)

-oooOooo-